

1982

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN MENGENAL SEGALA ASPEK SEBELUM MENGAMBIL KEPUTUSAN MENUTUP KASINO DI GENTING HIGHLANDS. BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN BAHAWA LANGKAH PERTAMA MENGAWAL KEGIATAN BERJUDI BERLELUASA DI DALAM NEGERI IALAH DENGAN MENGHALANG ORANG ISLAM DARI MENGUNJUNGI KASINO ITU.

BELIAU MENGULAS LAPORAN AKHBAR HARI INI BAHAWA KERAJAAN AKAN MENUTUP KASINO TERSEBUT SEBAGAI LANGKAH PERTAMA UNTUK MENGHENTIKAN KEGIATAN JUDI DI NEGARA INI.

PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DALAM PERHIMPUNAN AGUNGNYA KHAMIS LALU, MELULUSKAN SEBUAH USUL MENGGESA KERAJAAN MENGHARAMKAN SEMUA BENTUK BADAN PERJUADIAN TERMASUK YANG MENERIMA BANTUAN KEWANGAN DARI KERAJAAN SEPERTI SPORTE TOTO DAN LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT.

KETIKA MENGHURAI PERKARA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SEBELUM APA-APA KEPUTUSAN YANG AKAN DIAMBIL, KAJIAN TELITI AKAN DIJALANKAN TERLEBIH DAHULU BAGI MENGELAKKAN PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI. - LAGI 1217/BW

B522

MAHATHIR - KASINO 2 KUALA LUMPUR

+KITA MEMERLUKAN MASA UNTUK BERTINDAK DALAM HAL-HAL SEPERTI INI. IA MEMERLUKAN MASA SEBELUM PERKARA ITU BOLEH DILAKSANAKAN;+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENENTUKAN AGAR GENTING HIGHLANDS SEBAGAI SEBUAH USAHANIAGA YANG BESAR TIDAK AKAN LUMPUH DAN RAHAI ORANG YANG BERGANTUNG KEPADANYA TERMASUK KAKITANGANNYA SERAMAI 4,000 ORANG TIDAK KEHILANGAN PEKERJAAN.

BELIAU KESAL DENGAN LAPORAN AKHBAR MENGENAI PENUTUPAN KASINO TERSEBUT KERANA IA AKAN MEMBUAT PASARAN SAHAM +TURUN.+

BELIAU JUGA ENGGAN MENGULAS KHABAR-KHABAR ANGIN BAHAWA SATU KEPUTUSAN TELAH DIBUAT SEBULAN LALU UNTUK MENJADIKAN GENTING HIGHLANDS SEBUAH TAMAN REKREASI.

+PERKARA INI HENDAKLAH DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN... JIKA IA DIBUKA KEPADA PERBINCANGAN AWAM, IA AKAN MENIMBULKAN EMOSI DAN ORANG MENGENAKAN TEKANAN KE ATAS KERAJAAN.+

+KITA MENTADBIRKAN SEBUAH KERAJAAN DAN BUKAN SEBUAH PERGERAKAN REFORMASI;+ TAMBAHNYA. - LAGI 1219/BW

MAHATHIR-KASINO 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGHARAMAN LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN SPORTE TOTO, BELIAU BERKATA, +IA SUDAH PASTI AKAN MENIMBULKAN KETAKUTIDAK BAIK DAN SEPERTI LAIN-LAIN HAL, IA MEMPUNYAI MUJAH DAN KONTRANYA.+

PERDANA MENTERI ENGGAN MENGULAS SERUAN WAKIL UMNO PERAK JUMAAT LALU SUPAYA KERAJAAN MENGAMBIL BALIK +CARCOSA+ IAITU KEDIAMAN RASMI PESURUHJAYA TINGGI BRITAIN DI SINI.

WAKIL ITU, HAJI HISAN IBRAHIM, KETIKA MEMBENTANGKAN HAL ITU BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI KERAJAAN MENGAMBIL BALIK CARCOSA YANG DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN BRITISH PADA ZAMAN PENJAJAHAN DULU.

MENGENAI SERUAN SEORANG WAKIL LAIN AGAR KERAJAAN MENGENAL SEMULA DASAR MENGUNTUKKAN KAWASAN-KAWASAN LUAS BAGI BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT PERWAKILAN ASING DISINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEORANG ITU HENDAKLAH MEMANDANGNYA DARI SEGI TIMBAL-BALAS.

+KITA JUGA TERPAKSA MENGENAL PERUNTUKAN KERAJAAN-KERAJAAN ASING KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN PERWAKILAN KITA DI SEBERANG LAUT,+ JELAS BELIAU. --BERNAMA 1223/OM